Samsudin bin Ali lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (MUAR) — RAYUAN JENAYAH NO 42–19 TAHUN 2009
AHMADI ASNAWI PK
24 AUGUST 2009

Prosedur Jenayah — Hukuman — Rompakan berkawan menggunakan senjata — Rayuan terhadap hukuman — Sama ada hakim bicara memakai prinsip-prinsip hukuman yang mantap dan betul — Sama ada kepentingan awam diberi keutamaan — Sama ada mahkamah wajar campur tangan dalam hukuman yang diberikan oleh hakim bicara

Perayu telah dituduh melakukan rompakan berkawan dengan menggunakan senjata parang, suatu kesalahan di bawah s 395/397 Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan s 34 Kanun yang sama. Kesalahan tersebut dilakukan di waktu pagi (4 pagi) ketika mangsa serta ahli keluarga sedang nyenyak tidur. Setelah dua orang saksi dipanggil memberi keterangan, perayu telah menukarkan pengakuannya kepada pengakuan bersalah dan beliau telah didapati bersalah oleh hakim sesyen dan disabitkan di atas pertuduhan tersebut. Beliau telah dihukum selama 12 tahun penjara dan juga dikenakan hukuman 10 kali sebatan dengan rotan. Rayuan ini adalah di atas hukuman yang dikenakan tersebut. Perayu merayu supaya hukuman penjara dapat dikurangkan kerana beliau menanggung seorang ibu yang tua di samping dua anak yang masih kecil di negara asalnya, Indonesia.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Hakim bicara telah memakai prinsip-prinsip hukuman yang mantap dan betul dalam menghukum perayu. Beliau telah mengutamakan kepentingan awam mengatasi kepentingan perayu, hukuman yang dikenakan adalah untuk menghukum perayu di samping mencegah pelaku-pelaku lain yang menyimpan niat yang sama seperti perayu, kehendak Parlimen dicerminkan dalam hukuman yang dijatuhkan, telah mengambilkira bahawa jenayah yang dilakukan oleh perayu adalah satu jenayah yang berat lagi serius yang menuntut hukuman yang sepadan, mengambilkira trauma yang dilalui oleh mangsa dan ahli-ahli keluarganya. Hukuman yang dijatuhkan telah memberi keyakinan kepada orang awam bahawa undang-undang wujud di negara ini untuk melindungi warganegaranya daripada kerakusan dan

kebuasan penjenayah-penjenayah seperti perayu (lihat perenggan 5).

(2) Mahkamah rayuan yang mendengar rayuan berkenaan dengan hukuman yang dijatuhkan itu tidak akan campur tangan terhadap keputusan hakim bicara berkenaan melainkan perayu dapat menunjukkan serta meyakinkan mahkamah bahawa hakim bicara yang menjatuhkan hukuman itu telah khilaf di dalam penggunaan prinsip-prinsip penghukuman atau telah 'embarked on some unauthorised or extraneous exercise of discretion'. Di dalam kes ini, hakim bicara tidak khilaf dari sudut pemakaian prinsip-prinsip hukuman, oleh itu mahkamah ini tidak berhasrat untuk campur tangan (intervene) dengan bentuk hukuman yang telah dijatuhkan itu (lihat perenggan 7).

[English summary

The appellant had been charged with committing a gang robbery armed with machete, an offence under s 395/397 of the Penal Code read with s 34 of the same Code. The offence was committed in the early morning (4am) when the victim and the members of the family were fast asleep. After two witnesses were called to testify, the appellant changed his plea to a plea of guilt and he was found guilty by the sessions judge and convicted on the charge. He was sentenced to 12 years imprisonment and ten strokes of the rattan. This appeal was against the sentence. The appellant pleaded that the sentence of imprisonment be reduced as he had to care of his old mother and two young children in his country of origin, Indonesia.

Held, dismissing the appeal:

(1) The trial judge had applied the established and correct principles of sentencing to sentence the accused. He had, given priority to the public interest outweighing the interest of the appellant, the sentence imposed was to punish the appellant as well as deter other offenders who had the same intention as the appellant, the wishes of the Parliament was reflected in the sentence imposed, had considered that the crime committed by the appellant was a heavy and serious crime which demanded a corresponding sentence, taken into account the trauma gone through by the victim and his family. The sentence imposed had given confidence to the public that the laws that exist in this country are to protect its citizen from the greed and cruelty of the criminals such as the appellant (see para 5).

(2) An appellate court hearing the appeal pertaining to the sentence imposed would not interfere with the decision of the trial judge unless

A the appellant could show and convince the court that the trial judge who had imposed the sentence had erred in his application of the sentencing principles or had embarked on some unauthorised or extraneous exercise of discretion. In this case, the trial judge had not erred in his application of the sentencing principles, thus this court had
B no intention to intervene in the form of sentence imposed (see para 7).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai hukuman secara am, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 3284–4160.

C

Kes-kes yang dirujuk

Bhandulananda Jayatilake v PP [1982] 1 MLJ 83, MP (dirujuk)
Leong Ka Kong v PP [1976] 2 MLJ 21, MT (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)

D

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 34, 395, 397

Perayu mewakili diri sendiri.

E *Fadzli bin Mat Sutris (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Pendakwa Raya) bagi pihak pendakwaan/responden.*

Ahmadi Asnawi PK:

F

[1] Perayu telah dituduh melakukan rompakan berkawan dengan menggunakan senjata parang terhadap Lim Tong Heng yang melibatkan wang tunai lebih kurang RM1,500, barang-barang kemas bernilai lebih kurang RM10,000 dan dua buah telefon bimbit di rumah No PBO 122,
G Parit Bakar, Muar, suatu kesalahan di bawah s 395/397 Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan s 34 Kanun yang sama dan boleh dihukum di bawah peruntukan yang sama.

[2] Setelah dua orang saksi dipanggil memberi keterangan, beliau telah
H menukarkan pengakuannya kepada pengakuan bersalah dan beliau telah didapati bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan tersebut. Beliau telah dihukum selama 12 tahun penjara dan juga dikenakan hukuman sepuluh kali sebatan dengan rotan. Rayuan ini adalah di atas hukuman yang dikenakan tersebut.

I

[3] Di hadapan saya beliau merayu supaya hukuman penjara dapat dikurangkan kerana beliau menanggung seorang ibu yang tua di samping dua anak yang masih kecil di negara asalnya, Indonesia.

[4] Dalam penghakimannya, hakim sesyen yang bijaksana telah mengambilkira faktor-faktor berikut sebelum menghukum perayu:

(a) kesalahan adalah jenayah yang serius yang melibatkan rompak berkawan dengan bersenjatakan parang;

(b) perayu adalah penjenayah yang telah mengugut mangsa dengan meletakkan parang di leher mangsa, yang bermakna perayu bersedia mencederakan mangsa sekiranya mangsa melakukan sesuatu yang tidak diingini;

(c) mangsa mengalami trauma yang hebat akibat perbuatan perayu;

(d) hukuman yang berat perlu dijatuhkan bukan sahaja untuk menghukum perayu tetapi juga sebagai isyarat kepada 'would be offenders' bahawa hukuman berat akan menanti mereka jika melakukan jenayah sebegini;

(e) kesalahan dilakukan dalam rumah mangsa sendiri, suatu tempat yang sepatutnya selamat untuk mangsa dan ahli-ahli keluarganya; dan

(f) kesalahan dilakukan di waktu pagi (4 pagi) ketika mangsa serta ahli keluarga sedang nyenyak tidur dan kejadian ini akan meninggalkan trauma yang berpanjangan kepada mangsa dan ahli keluarganya.

[5] Daripada alasan-alasan di atas, saya berpendapat hakim sesyen yang bijaksana telah memakai prinsip-prinsip hukuman yang mantap dan betul dalam menghukum perayu. Beliau telah mengutamakan kepentingan awam mengatasi kepentingan perayu, hukuman yang dikenakan adalah untuk menghukum perayu di samping mencegah pelaku-pelaku lain yang menyimpan niat yang sama seperti perayu, kehendak Parlimen dicerminkan dalam hukuman yang dijatuhkan, telah mengambilkira bahawa jenayah yang dilakukan oleh perayu adalah satu jenayah yang berat lagi serius yang menuntut hukuman yang sepadan, mengambilkira trauma yang dilalui oleh mangsa dan ahli-ahli keluarganya dan hukuman yang dijatuhkan telah memberi keyakinan kepada orang awam bahawa undang-undang wujud di negara ini untuk melindungi warganegaranya daripada kerakusan dan kebuasan penjenayah-penjenayah seperti perayu.

[6] Kesalahan yang telah dilakukan oleh perayu semestinya terjumlah dalam kategori kesalahan di mana kepentingan awam hendaklah mengatasi kepentingan-kepentingan lain khususnya kepentingan perayu. Maka hukuman yang dijatuhkan hendaklah mencerminkan 'the public's intolerance and abhorrence' ke atas perlakuan jenayah yang sebegini. Hukuman yang dijatuhkan hendaklah mengandungi kedua-dua elemen 'punitative' dan 'deterrence' yang berfungsi untuk menghukum perayu dan juga mencegah pesalah-pesalah lain yang mempunyai niat yang sama untuk melakukan, mengulangi atau meniru kesalahan-kesalahan atau jenayah-jenayah yang sama. Hukuman-hukuman itu hendaklah juga menunjukkan betapa seriusnya kesalahan atau jenayah tersebut serta meninggalkan ingatan bahawa undang-undang akan 'come down hard' dalam menangani jenayah-jenayah seperti ini. Dalam penghakimannya hakim sesyen yang bijaksana telah mengambilkira kesemua keperluan-keperluan ini.

[7] Maka dalam keadaan sebegini di mana hakim bicara yang menjatuhkan hukuman itu tidak khilaf dari sudut pemakaian prinsip-prinsip penghukuman, saya tidak berhasrat untuk campur tangan (intervene) dengan bentuk hukuman yang telah dijatuhkan itu. Mahkamah Rayuan yang mendengar rayuan berkenaan dengan hukuman yang dijatuhkan itu tidak akan campur tangan terhadap keputusan hakim bicara berkenaan melainkan perayu dapat menunjukkan serta meyakinkan mahkamah bahawa hakim bicara yang menjatuhkan hukuman itu telah khilaf di dalam penggunaan prinsip-prinsip penghukuman atau telah 'embarked on some unauthorised or extraneous exercise of discretion' (sila lihat *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256; *Leong Ka Kong v Public Prosecutor* [1976] 2 MLJ 21; *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83). Dalam kes di hadapan saya ini, saya berpuashati bahawa perayu telah gagal untuk menunjukkan di mana hakim sesyen yang bijaksana telah khilaf di dalam prinsip-prinsip penghukuman yang digunapakainya.

[8] Mengambilkira keseluruhan hal keadaan kes ini serta faktor-faktor yang diperincikan oleh hakim sesyen yang bijaksana seperti dihuraikan di atas, saya berpendapat hukuman pemenjaraan dan jumlah sebatan yang dijatuhkan ke atas perayu adalah wajar serta setimpal dengan kesalahan/jenayah yang telah dilakukan oleh perayu.

[9] Dengan demikian saya menolak rayuan yang diunjurkan oleh perayu dan seterusnya mengekalkan hukuman yang dikenakan ke atas beliau oleh hakim sesyen yang bijaksana berkenaan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed